

## Elemen Keindahan dalam Tumbuhan Menurut al-Quran dan al-Hadith: Satu Tinjauan Awal

Siti Nurwanis Mohamed<sup>1</sup>, Monika@Munirah Abd Razzak<sup>2</sup> (Corresponding author)  
& Najihah Mohd Hashim<sup>3</sup>

Emel: <sup>1</sup>ctnurwanis@gmail.com, <sup>2</sup>munirahar@um.edu.my, <sup>3</sup>najihahmh@um.edu.my

<sup>1</sup>Calon PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur

<sup>3</sup>Prof. Madya, Fakulti Farmasi, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur

### Abstrak

Kehidupan tanpa elemen keindahan akan membuatkan hidup manusia menjadi hambar, bosan dan suram. Oleh yang demikian, Allah menciptakan tumbuhan mempunyai pelbagai keistimewaan dan banyak memberi manfaat kepada manusia. Antara manfaat yang disebut di dalam al-Quran ialah elemen keindahan dalam tumbuhan. Keindahan alam flora memainkan peranan yang penting untuk kesejahteraan kehidupan manusia. Pengkaji menggunakan metode analisis deduktif bagi mendapatkan kesimpulan serta perkaitan antara ayat-ayat tersebut. Hasil analisis, didapati ada lapan ayat dalam al-Quran yang menyentuh tentang elemen keindahan dalam tumbuhan dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir. Ia diwakili dengan istilah bahjah, zawjin bahij, zukhrufaha, mukhtalifan alwanuha, al-rayhan dan kafura. Setelah dirumuskan, terdapat tiga tema pada elemen keindahan dalam tumbuhan menurut al-Quran berpandukan kepada huraian para ahli tafsir. Pertama, tanaman yang indah permai. Kedua, tanaman yang pelbagai jenis warnanya. Ketiga, tumbuhan yang mengeluarkan aroma yang harum. Justeru itu, hasil kajian ini menunjukkan elemen keindahan dalam tumbuhan sangat penting bagi membantu menceriakan minda, menenangkan perasaan serta menjadi suatu rawatan semulajadi untuk manusia.

**Kata kunci:** Elemen, Keindahan, Tumbuhan, Manfaat, Al-Quran, Al-Hadith.

## Beauty Elements in the Plant According to Quran and Hadith: A Brief Review

### Abstract

Life without the element of beauty will make human life become bland, bored and gloomy. Hence, Allah Almighty created plants with various benefits and privileges for mankind. Among the benefits mentioned in the Quran is the element of beauty in the plant. The beauty of flora plays an important role for the well-being of human life. A deductive analysis method is used to draw conclusions as well as correlations between Quranic verses. It is determined that there are eight verses in the Quran that explained on the beauty elements in plants by referring and analysing the tafsir texts (*kitab al-Tafsir*). The Quranic terms that represent the elements are *bahjah*, *zawjin bahij*, *zukhrufaha*, *mukhtalifan alwanuha*, *al-rayhan* and *kafura*. Based on the interpretation of the Islamic exegetes, it can be concluded that there are three themes identified for beauty elements in plants. The first theme is picturesque or beautiful plants, the second theme is colourful plants and the last theme is aromatic plants. Therefore, the results of this study affirm the significance of beauty elements in plants which able to rejuvenate minds, soothing the souls and act as a natural therapy.

**Keywords:** Element, Beauty, Plant, Benefits, Al-Quran, Al-Hadith.

## 1. Pengenalan

Allah SWT menciptakan alam semesta dengan pelbagai jenis keindahan dan perhiasan. Ia bukan sahaja dalam bentuk material, bahkan penciptaan tumbuhan juga diciptakan dengan penuh keistimewaan. Kehidupan tanpa elemen keindahan akan menjadikan hidup manusia menjadi hambar, bosan dan suram. Fitrahnya, manusia sukakan kepada keindahan alam semulajadi.

Definisi keindahan bermaksud kecantikan, keelokan, pemandangan yang permai, menarik perhatian atau memuaskan hati (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Konsep cantik dan indah dalam Islam membawa kepada pengertian yang luas iaitu merangkumi keindahan pada perasaan dan menyedapkan pandangan mata (Muhd Zuhdi dan Amer Saifude 2002).

Perkembangan mental, fizikal dan jiwa yang aman bergantung kepada alam semulajadi yang segar, bersih dan damai. Selain itu, menikmati alam flora yang indah dapat membantu menenangkan perasaan dan menceriakan minda. Keindahan mampu membuatkan emosi manusia menjadi stabil, tenang, gembira dan bahagia. Sememangnya, manusia dilantik menjadi khalifah untuk bertanggungjawab dalam mengurus, menjaga dan melindungi alam bagi mengekalkan keindahan tersebut agar berterusan dinikmati oleh generasi akan datang (Kalsom Awang dan Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin t.th.).

Oleh kerana tumbuhan merupakan sesuatu yang sangat akrab dengan kehidupan manusia, maka Allah SWT menyebutkan manfaat elemen keindahan itu di dalam al-Quran secara terperinci. Ini secara tidak langsung menggambarkan kebesaran dan kekuasaan Allah yang Maha Agung. Justeru, artikel ini dapat menunjukkan gambaran awal berkaitan analisis ayat-ayat al-Quran mengenai elemen keindahan dalam tumbuhan.

## 2. Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif. Berpandukan kaedah induktif dan deduktif, data-data yang diperoleh akan dikelaskan mengikut kategori. Data bagi kajian dirujuk dari teks al-Quran serta kitab tafsir yang terpilih. Akhir sekali, pengkaji membuat kesimpulan terhadap elemen keindahan dalam tumbuhan menurut al-Quran.

## 3. Dapatan

Terdapat 17 perkataan dalam al-Quran menyentuh elemen keindahan dalam tumbuhan selepas dianalisis. Namun demikian, hanya lapan ayat sahaja yang menerangkan secara tepat mengenai elemen keindahan dalam tumbuhan dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar. Seperti yang terdapat pada Jadual 1, ia diwakili dengan istilah bahjah, zawjin bahij, zukhrufaha, mukhtalifan alwanuha, ar-rayhan dan kafura (Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi 1996).

Jadual 1: Perkataan Yang Menunjukkan Elemen Keindahan Dalam Tumbuhan Menurut Al-Quran Mengikut Tafsiran Mufassir

Bil.	Perkataan	Nama Surah & Nombor Ayat
1.	بَهْجَةٍ	Al-Naml 27: 60
2.	زَوْجٍ بَهِيحٍ	Al-Hajj 22:5
3.	زَوْجٍ بَهِيحٍ	Qaf 50: 7
4.	زُخْرُفَهَا	Yunus 10: 24
5.	مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهَا	Fatir 35: 27
6.	مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ	Al-Zumar 39: 21
7.	الرُّيْحَانَ	Al-Rahman 55: 12
8.	كَافُورًا	Al-Insan 76: 5

#### 4. Analisis Ayat dan Perbincangan

Pengkaji membahagikan kepada tiga tema pada elemen keindahan dalam tumbuhan menurut al-Quran. Pertama, tanaman yang indah permai. Kedua, tanaman yang pelbagai jenis warnanya. Ketiga, tumbuhan mengeluarkan aroma yang harum. Pengkaji membuat rumusan tiga tema tersebut melalui huraian para mufasir seperti berikut:

##### *Tanaman yang indah permai*

Keindahan dalam tumbuhan dapat dilihat pada dua perkataan dalam al-Quran, pertama ‘bahjah’ atau ‘bahij’ dan yang kedua ‘zukhrufaha’ (Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi 1996).

Kalimah ‘bahjah’ disebut sekali sahaja dalam surah al-Naml ayat 60. Allah SWT berfirman:

أَمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنبِتُوا شَجَرَهَا أَلَيْسَ اللَّهُ مَعَ اللَّهِ بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾

(Surah al-Naml 27: 60)

Maksudnya: Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghidu subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).

Kalimah ‘bahjah’ berasal daripada kata ‘bahija–yabhaju’ yang membawa maksud kegembiraan, kesenangan, baik dan menawan (Ma’luf 1975). Sedangkan kalimah ‘zawjin bahij’ disebut sebanyak dua kali iaitu pada ayat kelima surah al-Hajj dan ayat ketujuh surah Qaf dalam al-Quran. Kedua-dua kalimah tersebut mengenai tumbuh-tumbuhan yang Allah ciptakan di atas muka bumi (Zulkifli Mohd Yusof et.al 2009). Firman Allah SWT:

وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ...

(Surah al-Hajj 22:5)

Maksudnya: Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ

(Surah Qaf 50: 7)

Maksudnya: Dan juga (keadaan) bumi ini, (bagaimana) Kami bentangkan dia sebagai hamparan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang terdiri kukuh, serta Kami tumbuhkan padanya pelbagai jenis tanaman yang indah subur?

Menurut ahli bahasa iaitu al-Azhari (1976), ia bermaksud ‘hasanu’ iaitu bagus, baik atau cantik. Manakala pengertian dari Abu ‘Ubaydah (1954) dan Ibn Manzur (1996) ialah setiap variasi dari tumbuhan itu indah dan tenang.

Mufasir Al-Tabari (2000) dan al-Baydawi (2000) juga menghuraikan dengan maksud yang serupa iaitu Allah SWT menumbuhkan di bumi beraneka macam tumbuhan yang sangat indah. Selain itu, al-Baghawi (1990) dan al-Syawkani (1994) mentafsirkan keindahan tumbuhan ialah menarik dan menyenangkan bagi sesiapa yang melihatnya.

Wahbah al-Zuhayli (2009) menambahkan, keindahan pemandangan apabila berkumpunya semua

tanaman, buah-buahan, pokok-pokok, bunga-bunga yang berkembang mekar dan tumbuh-tumbuhan yang beraneka jenis. Al-Razi (1999) dalam tafsirnya menyatakan, setiap jenis daripada jenis-jenis tumbuhan itu terdiri dari tanaman yang menghijau, subur, segar, jernih, murni dan cantik.

Al-Maraghi (1946) pula mentafsirkan, beraneka macam tumbuhan yang diciptakan oleh Allah SWT sangat menarik perhatian bagi setiap mata yang memandangi, cantik bentuknya, berbeza fungsi makanan dan berbeza baunya yang harum.

Perkataan kedua iaitu 'zukhrufaha' juga membawa maksud yang sama iaitu keindahan. Lafaz 'zukhruf' disebut empat kali di dalam al-Quran tetapi yang menunjukkan kepada keindahan pada tumbuhan dapat dilihat di ayat 24 dalam surah Yunus (Zulkifli Mohd Yusof et.al 2009). Firman Allah SWT:

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّى إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُجْرَ قَهْهَا وَأَرْبَيْتَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَاهَا أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَعْنُ بِالْأَمْسِ كَذَلِكَ نَفْصَلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

(Surah Yunus 10: 24)

Maksudnya: Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni) dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan ia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).

Merujuk kamus al-Munjid, lafaz 'zukhrufaha' apabila disandarkan kepada 'al-ardh' ia mengandungi makna sesuatu yang bagus dan beraneka ragam warna tumbuh-tumbuhannya (Ma'luf 1973).

Selain itu, Allah memberikan satu perumpamaan tentang kenikmatan dan perhiasan dunia yang tidak kekal lama, pasti akhirnya akan musnah jua. Al-Qurtubi (1954) mendefinisikan lafaz 'al-ardh' bermaksud keindahan dan perhiasan. 'Zukhrufal ardh' menurut al-Syawkani (1994) bermaksud beraneka warna yang indah dan sebahagiannya ada yang menyerupai warna emas, perak, intan atau berlian.

Manakala Al-Tantawi (1987) menghuraikan selepas turunnya hujan, maka tumbuhlah pelbagai tanaman yang indah permai. Lafaz 'hatta' bermaksud sehingga air hujan turun lalu menyuburkan bumi dan menumbuhkan pelbagai tanaman yang berkembang biak seperti pohon-pohon yang menghijau, buah-buahan dan bunga yang beraneka warna. Tanaman itu menutupi permukaan bumi sehingga nampak begitu sempurna. Manakala lafaz 'zukhruf' menunjukkan emas dan kesempurnaan sesuatu. Bagi pentafsir, ia bermaksud tercantik, hasil dari aneka pelbagai warna tumbuhan. Sehingga permukaan bumi seperti hiasan yang sangat cantik dan indah kerana dihiasi dengan pelbagai jenis tumbuhan dan beragam warna yang menarik mata memandang. Pendapat ini sama dengan pandangan al-Sya'rawi (1997) dan Quraish Shihab (2007).

Sayyid Qutb (2003) turut menyeru agar memerhatikan bagaimana keadaan tumbuh-tumbuhan menyerap air hujan yang turun dari langit lalu bercampur sebati sehinggalah ia tumbuh subur dan mengeluarkan bunga-bunga yang cantik. Keadaan itu digambarkan oleh pentafsir seakan-akan seperti pengantin yang berhias indah.

Al-Baydawi (2000) juga sependapat, dihiasi setiap tumbuhan itu dengan bentuk dan warnanya yang pelbagai sepertimana pengantin yang memakai baju yang berwarna indah dan dihias cantik wajahnya. Begitu juga pandangan al-Maraghi (1946) dan Wahbah al-Zuhayli (2009), bumi itu subur menghijau dengan pelbagai warna dan bunga-bunga yang beraneka jenis umpama pengantin dihias dengan emas, perak dan perhiasan yang sangat cantik dan indah.

Lafaz 'bahjah' atau 'bahij' dapat dirumuskan membawa maksud yang indah lagi menawan manakala lafaz 'zukhrufaha' menggambarkan perumpamaan tumbuh-tumbuhan yang indah seperti perhiasan dunia yang memikat hati bagi sesiapa yang memandangnya.

Kesimpulannya, Allah SWT bukan sahaja menyediakan perhiasan di dunia dengan material semata-mata, bahkan dalam penciptaan tumbuhan juga digambarkan sebagai perhiasan yang menjadi suatu nikmat yang besar pada manusia. Ia memberikan kesan yang positif bagi sesiapa memandangnya kerana keindahannya mempesona dan memukau mata. Sekaligus, ia menenangkan hati dan menstabilkan emosi manusia.

#### *Tanaman yang pelbagai jenis warnanya*

Tumbuhan turut mempunyai jenis warna yang tertentu. Variasi warna tersebut dirakamkan dalam al-Quran dengan perkataan 'mukhtalifan alwanuha'. Lafaz ini disebut sebanyak dua kali iaitu pada ayat 27 surah Fatir dan ayat 21 surah al-Zumar (Muhammad Fu'ad °Abd al-Baqi 1996). Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ ثَمَرَاتٍ مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهَا ۗ وَمِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ بَيْضٌ وَحُمْرٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ ﴿٢٧﴾

(Surah Fatir 35: 27)

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-gunang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam.

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنَابِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

(Surah al-Zumar 39: 21)

Maksudnya: Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkannya menjadi mata air-mata air di bumi; kemudian Dia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Dia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas, Allah SWT menyuruh manusia merenung, berfikir dan memerhatikan bagaimana Allah SWT telah menurunkan air hujan dari langit dan menyiram segala jenis tumbuhan di muka bumi. Seterusnya, menumbuhkan pelbagai jenis pokok buah-buahan yang bermacam warna antaranya merah, hitam, kuning atau hijau (Al-Tabari 2000).

Manakala, Sayyid Qutb (2003) menggambarkan keindahan warna-warni buah-buahan itu seperti pameran lukisan yang sangat cantik, indah dan mempesona. Ini kerana, setiap jenis buah-buahan tidak sama warnanya secara mutlak walaupun jika dibandingkan dengan spesies buah yang berlainan atau sama.

Mufasir al-Baydawi (2000) menjelaskan, bukan setakat pelbagai warna bahkan berbeza juga jenis-jenis dan sifat-sifatnya yang mana setiap satu daripadanya ada pelbagai jenis atau keadaan. Al-Tantawi (1987) turut menghuraikan, keadaan tersebut ada sebahagian warnanya kuning, hijau, atau sebahagian rasanya manis dan lazat. Manakala al-Maraghi (1946) menambahkan lagi dari sudut aromanya yang berbeza. Ini membuktikan kekuasaan Allah yang Maha Agung.

Al-Sa'adi (2002) pula berpendapat, ia bukan sekadar buah-buahan yang bermacam jenis, tetapi ia juga merujuk kepada tumbuhan yang pelbagai spesies. Keadaan ini menjadi keajaiban kepada orang yang memerhatikan, padahal tumbuh semua itu dari satu sumber air sahaja dan dari satu bumi yang sama. Manakala Ibn Kathir (1999) menghuraikan, keluarnya tumbuh-tumbuhan yang beraneka ragam bentuk, rasa, warna, bau, dan manfaatnya dari sumber air yang ada di bumi.

Menurut al-Sya'rawi (1997), kejadian air hujan yang turun dari langit bermula dengan wap-wap air yang tersejat dari bumi naik ke permukaan atas lalu terbentuk menjadi awan. Apabila awan sudah berat dipenuhi dengan wap-wap air, maka turunlah hujan. Allah SWT menyuruh manusia berusaha untuk menyemai

benih dan menanam sehingga air hujan itu turun menumbuhkan pelbagai tumbuhan seperti buah-buahan yang beraneka warna dan akhirnya menjadi makanan untuk manusia nikmati.

Selain itu, mengambil pandangan ar-Razi (1999), al-Qurtubi (1954) dan al-Baydawi (2000), air hujan yang turun akan menjadi sungai yang mengalir di bawah tanah atau meresap ke permukaan bumi sehingga memuncut keluar mata air atau perigi. Dari air tersebut, tunas-tunas bercambah dan tumbuhnya pelbagai tumbuhan yang beraneka warna seperti warna hijau, merah, kuning, putih dan sebagainya serta terhasil pelbagai jenis makanan contohnya gandum, barli, bijian dan nasi.

Justeru, dapat dirumuskan di sini bahawa Allah menciptakan beraneka warna dari pelbagai jenis tumbuhan bukan sahaja untuk menarik perhatian manusia, bahkan ia mempunyai khasiat dan rasa yang berbeza. Jika tumbuhan diciptakan dari satu warna sahaja, sudah tentu manusia akan berasa bosan dan jemu. Selain itu, ia menjadi bukti kesempurnaan nikmat dari-Nya.

#### *Tumbuhan mengeluarkan aroma yang harum*

Wangian juga menjadi salah satu ciri keindahan dalam kehidupan manusia. Unikny Allah SWT menciptakan tumbuhan mampu mengeluarkan aroma yang harum. Terdapat dua perkataan dalam al-Quran yang menunjukkan jenis tumbuhan yang mengeluarkan bau yang harum dan wangi iaitu pertama, lafaz perkataan 'ar-rayhan' pada ayat 12 surah al-Rahman dan yang kedua, lafaz 'kafura' pada ayat kelima surah al-Insan (Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi 1996). Firman Allah SWT:

وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ ﴿١٢﴾

(Surah al-Rahman 55: 12)

Maksudnya: Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum.

Perkataan al-rayhan disebut dua kali di surah ar-Rahman dan surah al-Waqi'ah. Tetapi setelah diteliti, yang berkaitan dengan jenis tumbuhan di dunia hanyalah di ayat ke-12 dalam surah al-Rahman.

Pengertian perkataan ar-rayhan menurut ahli leksigografi Arab seperti al-Fayyumi (1977) ialah merujuk segala jenis tumbuhan 'masyum' iaitu tumbuh-tumbuhan yang mengeluarkan bau yang wangi dan harum. Ini sependapat dengan ulama tafsir seperti al-Maraghi (1946) dan al-Baydawi (2000).

Berbeza dengan pendapat al-Zabidi (1965), ia adalah tumbuhan yang terdiri daripada jenis bunga-bunga dan sayur-sayuran serta mempunyai bau yang harum. Manakala al-Azhari (1976) pula berpendapat, al-rayhan hanyalah kepada jenis sayur-sayuran yang baru mengeluarkan tunas atau putik yang berbau wangi.

Menurut huraian mufasir seperti al-Qurtubi (1954), tujuan penggunaan perkataan al-rayhan dalam ayat ini untuk menunjukkan haruman tumbuhan tersebut dapat membuatkan manusia merasa nyaman dan selesa. Selain itu, al-Sa'adi (2002) menjelaskan bau harum ar-rayhan dapat membangkitkan semangat dan menenangkan jiwa.

Begitu juga dengan pendapat al-Tantawi (1987), bau wangi al-rayhan dapat memukau jiwa dan melapangkan dada bagi sesiapa yang melihatnya. Mufasir al-Razi (1999) berpandangan, al-rayhan bermaksud bunga-bunga yang mempunyai bau yang wangi dan bermanfaat dalam bidang perubatan untuk mengubati manusia.

Pentafsir kontemporari iaitu Sayyid Qutb (2003) menjelaskan, ia bermaksud tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada bunga-bunga yang harum. Manakala Quraish Shihab (2007) menambahkan, al-rayhan diambil dari kata ra'ihah, bererti aroma. Beliau memberikan contoh al-rayhan adalah bunga-bunga yang mempunyai aroma yang harum seperti bunga Yasmin, Ros, Kemuning dan sebagainya.

Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim ada menyebutkan perkataan al-rayhan. Sabda Nabi SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ عَرَضَ عَلَيْهِ رَيْحَانٌ فَلَا يَرُدُّهُ، فَإِنَّهُ خَفِيفُ الْمَحْمَلِ طَيِّبُ الرَّيْحِ."

(Riwayat Muslim)

Maksud hadith: Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesiapa diberikan kepadanya al-rayhan, maka janganlah ditolak kerana ia ringan dibawa dan berbau harum."

Qadi ʿIyyad berpendapat, al-rayhan dalam hadith ini menunjukkan kepada semua jenis minyak wangi (Al-Nawawi 1997). Menurut al-Naysaburi (1988), perkataan al-rayhan bererti semua jenis tumbuh-tumbuhan 'masymum' iaitu tumbuhan yang memiliki aroma bau yang sedap dan harum. Ia juga menunjukkan gambaran jenis pokok renek yang ringan, mudah dibawa dan berbau wangi.

Pengkaji Saipolbarin (2015) membincangkan elemen geografi dalam proses pentafsiran perkataan al-rayhan. Hasil analisis berdasarkan aspek philologi, penduduk Iraq dan Syam serta sejarah perkembangan bahasa Arab, maka dapat disimpulkan ciri-ciri habitat semulajadi dan fizikal pokok selasih adalah bertepatan dengan al-rayhan.

Perbincangan kedua, lafaz 'kafura' pada ayat kelima surah al-Insan juga turut menunjukkan sejenis tumbuhan yang mengeluarkan aroma yang harum. Firman Allah SWT:

إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا (٥)

(Surah al-Insan 76: 5)

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan), akan meminum dari piala: sejenis minuman yang bercampur dengan "Kafur".

Lafaz 'kafura' dari ism mufrad, jamaknya 'kawafir', bererti pokok yang diambil daripada kapur yang berwarna putih dan wangi baunya, tapi rasanya pahit. Ia dipakai bagi melawan bau busuk dan sebagainya ('Ayid et.al t.th.)

Al-Tabari (2000) mentafsirkan 'kafura' adalah sifat bagi minuman iaitu campuran arak dengan sesuatu yang wangi baunya seperti kapur daripada mata air. Ia diminum oleh orang beriman apabila berjaya masuk ke syurga. Pendapat yang lain mengatakan ia dinamakan 'al-kafuri' iaitu mata air di dalam syurga. Qatadah dan Mujahid menyatakan pada minuman mereka dicampurkan kapur dengan wangian (Zulkifli Mohd Yusoff et. al 2009).

Dalam tafsir al-Azhar, 'kafura' bermaksud kapur atau Kamver atau lebih dikenali dengan kapur barus. Biasanya ia tumbuh di hutan, dari dalam pohon kayu itu keluar zat putih dan berbau wangi. HAMKA (2012) menjelaskan, 'kafura' dalam ayat ini namanya sama dengan kapur barus yang ada di dunia. Perbezaan 'kafura' di syurga pula berlipat ganda harumnya, lebih wangi dan khusus campuran minuman untuk orang beriman.

Terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan pengkaji Arab-Islam dengan ahli mufasir mengenai maksud sebenar perkataan al-kafur. Pendapat Ibn ʿAsyur (1984) dan Ibn Sidah (2003), al-kafur ialah pokok oleander 'al-difli' yang berbau harum atau putik bunga yang keluar dari mayang pokok berwarna putih. Manakala al-Fayruz Abadi (2005) menyatakan putik bunganya seperti kristal. Manakala, sarung kelopak serta bekas mayangnya terletak elok. Ia adalah sejenis tumbuhan yang wangi, putih dan cantik.

Menurut mufasir al-Tabari (2000), ia merujuk kepada bau al-kafur yang harum dan wangi. Ibn Kathir (1999) juga sependapat dan menambahkan sifatnya juga menyejukkan. Manakala al-Maraghi (1946) dan al-Syawkani (1994) menjelaskan unsur al-tasybih dalam ayat itu bermaksud putih, wangi dan sifatnya yang sejuk seperti al-kafur. Selain itu, Al-Tantawi (1987) mengatakan al-kafur terbaik aromanya, warnanya putih dan ia menarik perhatian.

Pendapat lain mengatakan al-kafur merujuk kepada 'cinnamomum camphora' (nama saintifik) yang bermaksud kapur barus. Al-Bukhari meriwayatkan dalam bab jenazah:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ تُوُفِّيَتْ ابْنَتُهُ، فَقَالَ: "اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا، أَوْ خَمْسًا، أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتِنَّ ذَلِكَ، بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْأَخْرَةِ كَافُورًا - أَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُورٍ - فَإِذَا فَرَعْتُنَّ فَأَذِّنِي"، فَلَمَّا فَرَعْنَا أَذْنَاهُ، فَأَعْطَانَا حَقْوَهُ، فَقَالَ: "أَشْعِرْنَهَا إِنِّيَاهُ" تَغْنِي إِزَارَهُ.

(Riwayat al-Bukhari)

Maksudnya: Daripada Ummi ‘Atiyyah al-Ansariyyat r.a berkata: Rasulullah SAW telah masuk ke tempat kami ketika kewafatan puteri baginda SAW dan baginda SAW bersabda: Mandikannya sebanyak tiga kali atau lima atau lebih banyak daripadanya jika kamu merasakannya perlu. Mandikannya juga dengan air dan daun bidara. Jadikanlah basuhan yang terakhir dengan kapur barus atau sesuatu yang harum. Sekiranya sudah selesai, maka khabarkan kepada aku. Apabila kami selesai, kami memberitahu kepada baginda SAW lalu baginda menghulurkan kain baginda kepada kami sambil bersabda: Pakaikanlah kain ini kepadanya.

Ibn Hajar Al-Asqalani (1987) menghuraikan dalam Kitab Fath al-Bari, sifat kapur barus adalah menyejukkan dan mengeringkan dengan segera, menghalang virus, mengelakkan kotoran yang keluar dari badan dalam bentuk cecair. Selain itu, bau harumnya sangat kuat dan sesuai untuk memandikan mayat untuk bilasan terakhir.

Al-Dhahabi (1990) pula berpendapat, sifat kapur barus dapat menarik bau seperti sifat magnet yang menarik serbuk besi dan menghilangkan bau busuk. Ia menjadi sebab digunakan dalam bilasan mandian jenazah. Di samping itu, air kapur barus juga menjadikan mayat itu tahan lama dan tidak mudah reput serta dapat mengelakkan mayat daripada dihinggapi oleh lalat.

Kapur barus yang dimaksudkan dalam hadith Nabi SAW adalah dari jenis nama saintifiknya ‘cinnamomum camphora’ untuk memandikan jenazah. Jenis kapur barus itu berbeza dengan jenis kapur barus di negara Mesir dan jenis al-kina di negara Yaman dan negara Teluk. Manakala, nama saintifik jenis ini pula ialah eucalyptus dari spesies myrtaceae. Ia merupakan tumbuhan asal negara Australia dan banyak digunakan dalam produk minyak wangi sebagai wangian seperti Kasturi al-‘Anbar atau al-Zara’ir (Saipolbarin 2015).

Oleh yang demikian dapat disimpulkan di sini, salah satu elemen keindahan dalam tumbuhan ialah mempunyai aroma yang harum. Ini kerana wangian dari tumbuhan sangat memberikan impak dari sudut membangkitkan semangat, menenangkan jiwa dan fikiran kepada manusia.

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan beberapa maksud ayat dalam kajian ini membuktikan bahawa Allah SWT menciptakan tumbuhan sebagai suatu hiasan yang indah dan menarik pandangan mata. Ia bukan sekadar hiasan, bahkan bermacam manfaat dan hasilnya dapat dinikmati oleh manusia. Tambahan lagi, pemandangan tumbuhan yang indah dapat memberikan kesan positif iaitu dapat menenangkan hati, melapangkan jiwa dan memberikan kedamaian.

Allah SWT menciptakan alam semesta dengan segala bentuk dan kelebihan tertentu. Begitu juga dengan tumbuhan yang mempunyai pelbagai warna yang menarik. Perbezaan warna tersebut menunjukkan fungsi dan manfaat yang berbeza. Kehidupan tanpa warna akan menjadikan kehidupan manusia menjadi suram kerana warna memberikan manusia perasaan gembira, memukau dan menarik pandangan mata bagi sesiapa yang melihatnya.

Manakala tumbuhan yang mengeluarkan aroma harum dan menjadi wangian mampu menenangkan emosi, membangkitkan semangat, dan memberikan keselesaan kepada manusia. Ia juga bermanfaat untuk perubatan yang dapat merawat pelbagai penyakit, membilas mandian jenazah serta digunakan sebagai bahan pengawet untuk mayat.

Kesimpulannya, ketiga-tiga elemen keindahan dalam tumbuhan memberikan kesan yang besar kepada manusia sama ada dari segi fizikal, mental dan emosi. Keindahan alam flora dapat membantu kehidupan manusia menjadi lebih gembira, ceria dan tenang. Oleh itu, kesegaran dan kebersihan alam semulajadi sewajarnya dijaga dan dipelihara secara berterusan.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

Ayid, et al, Muhammad. (t.th.). Al-Mu’jam al-Asasi al-‘Arabi. Tunis: Laros.

Abu ‘Ubaidat, Ma’mar bin al-Muthanna, (e.d) Fu’ad Sizkin. (1954). Al-Majaz al-Quran. Kaherah: Maktabat al-Khanaji.



- Ahmad Yunus Mohd Noor, Nor Azilah Abdul Wahab & Asmilyia Mohd Mokhtar. (2017). Fenomena Jerebu Antara Perspektif Quran Dan Sains Moden. *Jurnal Sains Malaysiana*. 46(10):1743-1748.
- Al-Azhari, Abu Mansur Muhammad bin Ahmad, (e.d) Rasyid °Abd Rahman al-Abidi. (1976). *Tahzib al-Lughat*. Kaherah, Mesir: Dar al-Misriyyat Lita'lif wa al-Tarjumat.
- Al-Baghawi. (1990). *Tafsir Al-Baghawi Ma'alim Al-Tanzil*. Riyad: Dar al-Taibah.
- Al-Baydawi. (2000). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut, Lubnan: Dar al-Rasyid.
- Al-Fayruz Abadi, Majjad al-Din Muhammad bin Ya'aqub. (2005). *Al-Qamus al-Muhit*. Beirut, Lubnan: Dar 'Ihya' al-Thurath al-°Arabi.
- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad bin °Aliy. (1977). (e.d) °Abd al-Aziz al-Syanawiy. *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir Lil Rafa'iy*. Kaherah, Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Kaherah, Mesir: Maktabah.
- Al-Naysaburi, Muslim bin Hajjaj. (1998). (e.d) Yahya bin Syarif al-Nawawi. *Al-Manhaj Syarh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifat.
- Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad Bin Abi Bakar. (1954). *Jami° Li Ahkam Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriah.
- Al-Razi, Fakhr al-Din, Abu Abdullah Muhammad bin Husain al-Quraisy. (1999). *Al-Tafsir al-Kabir*. Beirut, Lubnan: Dar I'hya' al-Turath al-°Arabiy.
- Al-Sa°adi, °Abd al-Rahman Nasir, (e.d) °Abdullah bin °Abd al-°Aziz °Uqail. (2002). *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Riyad, °Arab Saudi: Maktabat al-Abikan.
- Al-Sya°rawi, Muhammad Mutawwalli. (1997). *Tafsir Al-Sya°rawi*. Kaherah: Dar Nahdah.
- Al-Tabari, Muhammad Bin Jarir Bin Yazid. (2000). *Jami' Al-Bayan Fi Takwil Al-Quran (Vol. Cet.1)*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Tantawi, Muhammad Sayyid. (1987). *Al-Tafsir al-Wasit li Al-Quran Al-Karim*. Kaherah, Mesir: Matba'at al-Sa°adat.
- Al-Zabidi, Muhammad Murtada. (1965). (e.d) °Abd al-Sattar Ahmad al-Farj. *Taj al-°Arus min Jawahir al-Qamus*. Kuwait: Matba°at Hukumat al-Kuwait.
- Al-Dhahabi, Abu °Abdullah Muhammad bin Ahmad. (1990). (e.d) Ahmad Rif°at al-Badrawi. *Al-Tibb al-Nabawi*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-°Ulum.
- HAMKA, Abdul Malik Karim Amrullah. (2012). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ibn °Asyur, Muhammad Tahir. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia. Dar Tunisiyyat li Nasyar.
- Ibn Hajar Al-Asqalani, Ahmad bin °Ali. (1987). *Fath Al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Ma°rifah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma°il al-Quraisy, (e.d) Khalid Muhammad Maharram. (1999). *Tafsir Al-Quran al-°Azim*. Beirut, Lubnan: Maktabat al-°Asriyya.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram. (1996). *Lisan al-°Arab*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.
- Ibn Sidah, Abu Hussin °Ali bin Isma°il. (2003). (e.d) °Abd al-Fath Sayyid Salim. *Al-Muhkam wa al-Muhit al-A°zam fi al-Lughat*. Kaherah, Mesir: Ma°had al-Makhtutat al-°Arabiyyat.
- Kalsom Awang & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. (t.th.). *Pengaplikasian Qawa'id Fiqhiyyah Dalam Pengurusan Alam Sekitar*. *Jurnal Perspektif*.
- M.Quraish Shihab. (2007). *Tafsir Al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Ma'luf, Louis. (1973). *Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-A°lam*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Mohd Zuhdi Marsuki & Amer Saifude Ghazali. 2002. *Etika Alam Sekitar Daripada Perspektif Islam, Timur Dan Barat*. Bentong: PTS Publications & Distributor.
- Muhammad Fu'ad °Abd. al-Baqi. (1996). *Al- Mu°jam al-Mufahras li al-Faz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi. 1412H/1991M. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- T.t. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saipolbarin Ramli. (2015). *Istilah Tumbuh-tumbuhan Dalam Al-Quran: Kajian Leksikografi dan Analisis Wacana Arab*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: University Malaya.
- Sayyid Qutb. (2003). *Fi Zilal Al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Syawkani, Muhammad b. °Ali b. Muhammad. (1994). *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Wahbah al-Zuhaili. (2009). *Al-Tafsir al-Munir*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikir al-Mu°asir.
- Wan Syamsul Amly. (2019). Selangor Catat Jumlah Tertinggi Pencemaran. Dicapai Januari 20, 2020, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/selangor-catat-jumlah-tertinggi-laporan-pencemaran-223806>.
- Zulkifli Mohd Yusoff et al. (2009). *Kamus al-Quran Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika.